



ABDULLAH (tiga dari kiri) pada majlis menandatangani Program Penajaan Pendidikan bersama USM, UM dan UPM.

Kuala Lumpur

AEON Credit peruntuk RM800,000 taja 20 mahasiswa

AEON Credit Service (M) Sdn Bhd (AEON Credit) menandatangani Program Penajaan Pendidikan bersama Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

AEON Credit memperuntukkan RM800,000 bagi Program Penajaan Pendidikan berkenaan yang memberi bantuan kepada 20 pelajar cemerlang dari ketiga-tiga universiti terbabit dengan

setiap seorang menerima RM40,000.

Pengerusinya, Datuk Abdullah Mohd Yusof berkata, pemilihan pelajar yang layak menerima bantuan tajaan pendidikan itu dibuat pihak universiti bagi membantu golongan pelajar cemerlang tetapi kurang berkemampuan.

Beliau berkata, tajaan pendidikan itu diberikan kepada pelajar sarjana muda dalam bidang pengkhususan

perakaunan, ekonomi, pentadbiran perniagaan, kewangan dan perbankan, sains aktuari, perundangan dan teknologi maklumat atau sains komputer.

“AEON Credit berharap dapat terus membantu pembangunan bakat berpotensi di negara ini kerana mereka adalah generasi masa depan yang penting untuk kita semua,” katanya pada majlis menandatangani program berkenaan, semalam.